

**P.U. (A) 121.****AKTA PENJARA 1995****PERATURAN-PERATURAN PENJARA (PINDAAN) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 67 Akta Penjara 1995 [*Akta 537*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penjara (Pindaan) 2020**.

**Pindaan peraturan 111**

2. Peraturan-Peraturan Penjara 2000 [*P.U. (A) 325/2000*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 111(1) dengan menggantikan perkataan “telah menjalani hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada empat tahun” dengan perkataan “sedang menjalani apa-apa tempoh pemenjaraan”.

**Penggantian peraturan 280**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 280 dengan peraturan yang berikut:

**“Hadiah kepada pegawai penjara**

280. Jawatankuasa hendaklah menentukan kadar atau nilai hadiah yang boleh diberikan kepada mana-mana pegawai penjara.

**Penggantian Jadual Pertama**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA  
(Peraturan 60 dan 66)

I. DIET HARIAN BAGI SETIAP BANDUAN

|                                |                                          |
|--------------------------------|------------------------------------------|
| Ayam; atau                     | 100g bagi setiap sajian                  |
| Ikan segar; atau               | 100g bagi setiap sajian                  |
| Daging                         | 70g bagi setiap sajian                   |
| Beras                          | 300g setiap hari                         |
| Beras (untuk bubur nasi)       | 50g bagi setiap sajian                   |
| Betik; atau                    | 150g bagi setiap sajian                  |
| Nenas; atau                    | 150g bagi setiap sajian                  |
| Tembikai susu; atau            | 150g bagi setiap sajian                  |
| Tembikai                       | 150g bagi setiap sajian<br>(tanpa kulit) |
| Fucuk                          | 15g bagi setiap sajian                   |
| Gula                           | 15g bagi setiap sajian                   |
| Gula merah                     | 5g bagi setiap sajian                    |
| Ikan bilis                     | 10g bagi setiap sajian                   |
| Jem atau kaya                  | 15g bagi setiap sajian                   |
| Kacang hijau atau kacang merah | 50g bagi setiap sajian                   |
| Kopi                           | 8g setiap hari                           |
| Marjerin                       | 15g bagi setiap sajian                   |
| Minyak masak                   | 20g setiap hari                          |
| Roti ban                       | 50g bagi setiap sajian                   |
| Roti putih                     | 120g bagi setiap sajian                  |
| Sayur berdaun                  | 160g bagi setiap sajian                  |
| Sayur tidak berdaun            | 200g bagi setiap sajian                  |
| Susu tepung penuh krim         | 30g bagi setiap sajian                   |

---

|             |                           |
|-------------|---------------------------|
| Tauhu       | 200g bagi setiap sajian   |
| Teh         | 6.25g setiap hari         |
| Telur       | 1 biji bagi setiap sajian |
| Ubi kentang | 50g bagi setiap sajian    |

**CATATAN:**

Diet tambahan bagi setiap banduan mengandung, banduan yang menyusukan bayi dan banduan yang menghidap HIV atau AIDS.

|               |                                                                                                |                        |
|---------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
| Susu tepung   | Banduan mengandung atau banduan yang menyusukan bayi atau banduan yang menghidap HIV atau AIDS | 30g bagi setiap sajian |
| Roti ban      | Banduan yang menyusukan bayi                                                                   | 50g bagi setiap sajian |
| Sayur berdaun | Banduan yang menyusukan bayi                                                                   | 50g bagi setiap sajian |

**II. DIET HARIAN BAGI SETIAP BANDUAN VEGETARIAN**

|                                |                                       |
|--------------------------------|---------------------------------------|
| Beras                          | 300g setiap hari                      |
| Beras (untuk bubur nasi)       | 50g bagi setiap sajian                |
| Betik; atau                    | 150g bagi setiap sajian               |
| Nenas; atau                    | 150g bagi setiap sajian               |
| Tembikai susu; atau            | 150g bagi setiap sajian               |
| Tembikai                       | 150g bagi setiap sajian (tanpa kulit) |
| Fucuk                          | 15g bagi setiap sajian                |
| Gula                           | 15g bagi setiap sajian                |
| Gula merah                     | 5g bagi setiap sajian                 |
| Jem atau kaya                  | 15g bagi setiap sajian                |
| Kacang hijau atau kacang merah | 50g bagi setiap sajian                |
| Kopi                           | 8g setiap hari                        |
| Marjerin                       | 15g bagi setiap sajian                |
| Minyak masak                   | 20g setiap hari                       |

---

|                        |                           |
|------------------------|---------------------------|
| Roti ban               | 50g bagi setiap sajian    |
| Roti putih             | 120g bagi setiap sajian   |
| Sayur berdaun          | 160g bagi setiap sajian   |
| Sayur tidak berdaun    | 200g bagi setiap sajian   |
| Susu tepung penuh krim | 30g bagi setiap sajian    |
| Tauhu                  | 200g bagi setiap sajian   |
| Teh                    | 6.25g setiap hari         |
| Telur                  | 1 biji bagi setiap sajian |
| Ubi kentang            | 50g bagi setiap sajian    |

### III. DIET TAMBAHAN BAGI SETIAP BANDUAN MUDA

|                   |                         |
|-------------------|-------------------------|
| Beras pulut hitam | 50g bagi setiap sajian  |
| Bihun             | 100g bagi setiap sajian |
| Biji gandum       | 50g bagi setiap sajian  |
| Biskut            | 25g bagi setiap sajian  |

#### CATATAN:

Diet tambahan bagi setiap banduan muda mengandung, banduan muda yang menyusukan bayi dan banduan muda yang menghidap HIV atau AIDS.

|               |                                                                                                               |                        |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
| Susu tepung   | Banduan muda mengandung atau banduan muda yang menyusukan bayi atau banduan muda yang menghidap HIV atau AIDS | 30g bagi setiap sajian |
| Roti ban      | Banduan muda yang menyusukan bayi                                                                             | 50g bagi setiap sajian |
| Sayur berdaun | Banduan muda yang menyusukan bayi                                                                             | 50g bagi setiap sajian |

### IV. DIET HARIAN BAGI SETIAP ANAK BANDUAN PEREMPUAN

|              |                        |
|--------------|------------------------|
| Ayam; atau   | 40g bagi setiap sajian |
| Daging; atau | 20g bagi setiap sajian |
| Ikan segar   | 30g bagi setiap sajian |

---

|                                |                           |
|--------------------------------|---------------------------|
| Beras                          | 25g setiap hari           |
| Bijirin bayi                   | 50g bagi setiap sajian    |
| Betik; atau                    | 80g bagi setiap sajian    |
| Tembikai susu; atau            | 80g bagi setiap sajian    |
| Oren; atau                     | ½ biji bagi setiap sajian |
| Pisang; atau                   | 45g bagi setiap sajian    |
| Tembikai                       | 100g bagi setiap sajian   |
| Gula                           | 5g bagi setiap sajian     |
| Ikan bilis                     | 10g bagi setiap sajian    |
| Kacang hijau atau kacang merah | 25g bagi setiap sajian    |
| Minyak masak                   | 5g bagi setiap sajian     |
| Sayur berdaun                  | 30g bagi setiap sajian    |
| Sayur tidak berdaun            | 20g bagi setiap sajian    |
| Susu tepung penuh krim         | 10g bagi setiap sajian    |
| Telur                          | ½ biji bagi setiap sajian |
| Tepung kastard                 | 15g bagi setiap sajian    |
| Ubi kentang                    | 25g bagi setiap sajian    |

**CATATAN:**

Sayur tidak berdaun tidak termasuk labu air dan ketola.

**V. CATUAN TAMBAHAN MENGIKUT MENU BAGI SETIAP BANDUAN**

|                 |                   |
|-----------------|-------------------|
| Asam jawa       | 2g setiap orang   |
| Asam keping     | 0.5g setiap orang |
| Bawang besar    | 1g setiap orang   |
| Bawang merah    | 1g setiap orang   |
| Bawang putih    | 1g setiap orang   |
| Belacan         | 1g setiap orang   |
| Biji lada hitam | 1g setiap orang   |
| Buah pelaga     | 0.5g setiap orang |
| Bunga cengkih   | 0.5g setiap orang |